

TERJEMAHAN AYAT MUTASHABIHAT: ANALISIS FUNGSI PROSEDUR EKSPLISITASI

Nasimah Abdullah¹, Lubna Abd. Rahman² & Abur Hamdi Usman¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Penulis Penghubung: Dr. Nasimah Abdullah, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. Tel: (60) 012-9837495. Email: nasimah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Ayat mutashabihat ialah ayat yang mengandungi banyak pentafsiran kerana mempunyai pelbagai dimensi makna. Eksplisitasi pula ialah salah satu prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet sebagai usaha agar pembaca bahasa sasaran memahami dengan jelas makna implisit yang terkandung di dalam teks sumber. Melalui prosedur ini, bentuk makna implisit yang terkandung di dalam teks sumber dapat dizahirkan ke dalam teks sasaran. Penterjemah selaku pihak yang memainkan peranan dalam memindahkan makna sebenarnya sentiasa terikat dengan ideologi tertentu yang akan mewarnai teks sasaran yang dihasilkannya. Kajian ini bertujuan meneliti bentuk eksplisitasi yang terdapat dalam terjemahan ayat-ayat mutashabihat dalam al-Quran serta menghubungkaitkannya dengan pengaruh aliran pemikiran yang dipegang oleh penterjemah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menjurus kepada analisis kandungan teks al-Quran yang dihurai secara deskriptif dengan memilih tiga (3) perkataan yang dinisbahkan kepada Allah SWT yang terdapat dalam teks al-Quran sebagai sampel kajian iaitu lafaz (استوى), (يد) dan (أعين). Korpus kajian pula adalah teks al-Quran yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjemahan ayat-ayat mutashabihat menggunakan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran iaitu bentuk pengkhususan, penambahan maklumat, maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan mengekalkan makna literal teks al-Quran tanpa takwilan dan kadangkala condong kepada aliran pemikiran al-Ta'wil dalam menterjemahkan ayat mutashabihat. Manakala Abdullah Basmeih pula lebih cenderung kepada aliran pemikiran al-Takwil dan al-Ithbat bi Dawabit dalam memberikan maksud ayat mutashabihat.

Kata Kunci: Ayat mutashabihat; Eksplisitasi; Terjemahan; Pemikiran; Teks

THE TRANSLATION OF *MUTASHABIHAT* VERSES (ANTHROPOMORPHISM): AN ANALYSIS ON THE PROCEDURE OF EXPLICITATION

ABSTRACT

A mutashabihat verse (anthropomorphism) is a verse that contains many interpretations as it has various dimensions of meaning. Explicitation is one of the translation procedures introduced by Vinay and Darbelnet as an effort to make the target language readers understand clearly the implicit meaning contained in the source text. In other words, the implicit meaning contained in the source text can be revealed into the target text through this procedure. A translator whose role is to transfer the meaning of source text is always bounded by a certain ideology that will influence his translation works. This study aims to examine the forms of explicitation used in the translation of the mutashabihat verses in the Quran and relate them to translators' ideologies. This study adopted a qualitative approach that led to the analysis of text content of the Quran which are elaborated descriptively by selecting three (3) words found in the text of the Quran, that are related to Allah, as the sample of the study which are (استوى), (يد) and (أعين). The corpus texts used are the Malay Quran translation by Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus and Zaini Dahlan. The findings showed that the translation of the mutashabihat verses used various forms of explicitation to enhance a clearer understanding of the target readers to the meaning of the Qur'an such as lexical specification, addition of explanatory remarks, additional information in brackets and footnotes. In addition, studies found that Mahmud Yunus and Zaini Dahlan retained the meaning of translated mutashabihat verses literally without giving esoteric interpretation of the Quran and sometimes inclined towards the ideology of al-Ta'wil. On the other hand, Abdullah Basmeih was more prone to the ideologies of al-Ta'wil and al-Ithbat bi Dawabit in translating the verses.

Keywords: *Mutashabihat verses (anthropomorphism); Explicitation; Translation; Thought; Text*

Received: July 10, 2019

Accepted: November 16, 2019

Online Published: December 20, 2019

1. Pendahuluan

Perkataan *terjemahan* adalah daripada suku kata *terjemah* yang berasal daripada bahasa Arab iaitu ترجم (tarjama). Menurut sarjana Arab, ia mengandungi beberapa pengertian daripada segi bahasa. Ibnu Manzur (1994, 12: 66) mendefinisikannya sebagai pentafsiran ataupun penerangan dengan menggunakan bahasa lain, atau memindahkan perkataan daripada satu bahasa kepada bahasa lain.

Istilah *terjemahan* mempunyai pelbagai definisi dalam kalangan sarjana bidang pengajian terjemahan di dunia Barat. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, dan antaranya mereka mempunyai pendekatan terjemahan yang pelbagai, mazhab terjemahan yang berlainan dan perspektif yang tidak sama tentang konsep makna berkaitan pemindahan makna dalam terjemahan. Namun, secara mudahnya terjemahan adalah pemindahan sesuatu daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain (Anon, 2015: 1670).

Pemindahan makna daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain bukan hanya perlu mengambilkira fungsi konteks, perbezaan budaya, kolokasi dan tahap kebolehbacaan teks terjemahan, malah juga perlu melihat kepada strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menyampaikan mesej teks sumber kepada teks sasaran (Abdullah, 2017: 78).

Daripada sudut perkembangan terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu, banyak usaha telah digembelengkan oleh pelbagai pihak sama ada oleh individu atau pun secara kolektif atau melalui badan dan institusi bukan kerajaan dan kerajaan sendiri. Sumbangan individu dan pihak berkaitan secara kolektif ini tidak dapat dinafikan lagi dalam usaha menyampaikan mesej yang terdapat dalam al-Quran. Hal ini kerana masyarakat Melayu yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab akan merujuk kepada terjemahan makna al-Quran dalam bahasa Melayu untuk memahami isi kandungan al-Quran (Abdullah, 2015a.: 21).

Faktor perbezaan unsur linguistik dan sosiobudaya antara Arab dan Melayu merupakan antara elemen penting yang kerap kali mempengaruhi proses penterjemahan. Pengaruh kedua-dua faktor ini seringkali dapat dilihat melalui pemilihan prosedur dan strategi tertentu yang digunakan oleh penterjemah teks al-Quran. Apa yang pasti, teks terjemahan al-Quran tidak diberikan status al-Quran tetapi hanya dianggap sebagai tafsir semata-mata (Abd Rahman, 2016: 19). Oleh itu, pemilihan sesuatu prosedur dan strategi oleh penterjemah adalah semata-mata bertujuan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran. Adakalanya pemilihan sesuatu prosedur terjemahan boleh dikaitkan dengan kecenderungan penterjemah kepada aliran pemikiran atau ideologi yang dipegangnya.

Dalam memindahkan perkataan, frasa atau ayat daripada satu bahasa ke bahasa lain tentunya penterjemah menggunakan pelbagai prosedur dan strategi untuk menjadikan teks sasaran mudah difahami oleh pembaca. Antara prosedur dan strategi terjemahan adalah eksplisitasi. Eksplisitasi merupakan salah satu prosedur terjemahan yang mula diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995: 342) sebagai usaha agar pembaca bahasa sasaran memahami dengan jelas maksud teks asal. Nida pula meletakkan prosedur ini di bawah strategi pengubahsuaian (*adjustment*) dan menamakannya sebagai teknik penambahan (*addition*). Melalui eksplisitasi, bentuk makna implisit yang terkandung di dalam teks sumber dapat dizahirkan ke dalam teks sasaran.

Sebagai contoh, Yayasan Restu (2011: 3) menterjemahkan firman Allah SWT dalam ayat 10 Surah al-Baqarah (يا قلوبهم مرض فزادهم الله مرضا) seperti berikut:

“Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), ...”

Yayasan Restu menggunakan prosedur eksplisitasi pada dua (2) tempat dalam terjemahan ayat tersebut. Yang pertama adalah untuk menjelaskan maksud perkataan (هم) dan yang kedua adalah maksud perkataan (مرض). Perkataan (هم) secara literal bermaksud “mereka” yang merujuk kepada golongan yang munafik. Ini dapat difahami melalui konteks ayat-ayat sebelum yang menceritakan sifat orang munafik (al-Zamakhshari, 1995; al-Baydhāwi, 2003). Manakala, perkataan (مرض) dalam ayat al-Quran tersebut adalah *kināyah*. Menurut al-Zamakhshari (1995), al-Baydhāwi (2003), dan Ibn ‘Atiyyah (2001), perkataan itu merupakan kiasan kepada sifat orang munafik yang ada perasaan iri hati terhadap Rasulullah SAW dan orang Islam. Terjemahan secara literal untuk perkataan tersebut ialah penyakit. Penyakit boleh membawa kemudaratan kepada tubuh badan, sebagaimana sifat nifaq boleh menjadi punca masalah hati.

Teks terjemahan Yayasan Restu menggunakan prosedur eksplisitasi dengan menambah beberapa perkataan dalam kurungan untuk menjelaskan: i) makna *mereka*, iaitu (golongan yang munafik itu), dan ii) makna *penyakit*, iaitu (syak dan hasad dengki). Ini menunjukkan bahawa eksplisitasi boleh digunakan dalam menterjemahkan ayat-ayat *mutashabihat* untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran. Sebenarnya terdapat bentuk-bentuk eksplisitasi lain lagi yang boleh menzahirkan makna implisit yang terkandung di dalam teks sumber.

2. Tinjauan Persuratan

Penulis membahagikan perbincangan tentang tinjauan persuratan kepada dua (2) bahagian, iaitu: i) eksplisitasi sebagai satu prosedur dan strategi dalam terjemahan, dan ii) terjemahan ayat *mutashabihat* dalam al-Quran.

2.1 Eksplisitasi Sebagai Prosedur dan Strategi Terjemahan

Eksplisitasi adalah salah satu prosedur terjemahan sebagai usaha agar pembaca sasaran memahami dengan jelas maksud teks asal. Prosedur ini mula diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet. Terdapat pelbagai bentuk eksplisitasi dan antaranya penambahan, pengkhususan, maklumat tambahan dalam kurungan, nota kaki, nota pada akhir bab, glosari pada akhir teks, dan glosari yang berasingan (khusus untuk penerbitan berjilid). Prosedur eksplisitasi kategori penambahan terdiri daripada pelbagai bentuk termasuklah penambahan kata hubung, penambahan kata pengkelasan, penambahan maklumat dan penjelasan terhadap elipsis. Dalam pada itu, pengkhususan pula bermaksud penggantian item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud atau yang terdapat dalam bahasa sasaran (Mansor, 2016: 206).

Secara umumnya, eksplisitasi adalah satu bentuk peralihan (*shift*) dalam terjemahan daripada makna implisit kepada makna eksplisit (Murtisari, 2016: 64). Makna implisit bermaksud makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan atau makna tersirat (Anon, 2015: 571), manakala makna eksplisit bermaksud makna yang dinyatakan dengan jelas, atau makna tersurat, atau makna tanpa dikias-kias (Anon, 2015: 382). Melalui strategi eksplisitasi, bentuk makna implisit yang terkandung dalam ungkapan ayat *mutashabihat* dalam al-Quran dapat dizahirkan ke dalam teks sasaran.

Antara kajian terdahulu yang membincangkan eksplisitasi adalah kajian Syed Abdullah (2015) bertajuk *Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu* yang bertujuan untuk melihat bentuk makna implisit dan makna eksplisit dalam teks *Rihlah Ibn Battutah* dan padanannya dalam teks Pengembaraan Ibn Battutah. Pengeksplisitan dan pengimplisitan makna yang berlaku dalam teks ini dikaji menerusi analisis perbandingan antara data teks sumber dengan teks sasaran dengan melihat ciri-ciri perbezaan dan ketidaksepadanan (*incongruity*) yang dapat dikesan antara teks asal dengan teks terjemahan tersebut.

Menurut penyelidik ini, secara makro tidak dinafikan bahawa budaya memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi strategi dan keputusan pengeksplisitan dan pengimplisitan penterjemah. Namun, secara mikro, faktor lain yang turut menyumbang kepada kedua-dua strategi ini ialah agama, pragmatik, situasi penterjemah dan khalayak, lexis-tatabahasa, bentuk wacana perbualan, nilai kesantunan dan gaya bahasa terutamanya gaya bahasa retorik Arab yang sangat bersifat budaya yang mempengaruhi keputusan pengeksplisitan dan pengimplisitan yang dilaksanakan dalam penterjemahan.

Antara kajian terdahulu yang membincangkan eksplisitasi dalam terjemahan hadis nabawi adalah Abd Rahman dan Abdullah (2018) dalam makalah mereka bertajuk

Eksplisitasi Dalam Terjemahan Hadis Nabawi. Makalah ini bertujuan memperlihatkan makna eksplisit yang terdapat dalam terjemahan teks hadis yang membolehkan pembaca sasaran memahami maksud hadis dengan lebih jelas. Korpus kajian makalah ini ialah Hadis 40 oleh Imam Nawawi yang diterjemahkan oleh Muhammad Fahmi al-Azhari dan diterbitkan oleh Akademi Darul Mahabbah. Hasil kajian makalah ini menunjukkan bahawa strategi eksplisitasi dalam terjemahan teks hadis yang dikaji memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna hadis tersebut.

Jika dilihat dengan lebih dekat daripada sudut hubungan antara strategi eksplisitasi dengan *ayat mutashabihat*, terdapat kajian daripada Abd Rahman (2016) yang menyebut secara ringkas dalam tulisannya bertajuk *Perbezaan Status Terjemahan al-Quran berbanding dengan Teks asalnya dari perspektif Pengkajian Terjemahan Moden* bahawa makna implisit *ayat mutashabihat* boleh difahami melalui pemberian huraian dan takwil. Tulisan beliau tersebut tidak menyentuh secara langsung tentang prosedur eksplisitasi, namun apa yang boleh difahami daripada pernyataan beliau adalah pemberian huraian dan takwil sebenarnya dikenali dengan eksplisitasi daripada sudut pengkajian pengajian terjemahan.

Ringkasnya, kajian berkaitan dengan eksplisitasi dan bentuk-bentuknya dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu masih terbatas. Begitu juga masih belum ada kajian yang spesifik yang menghubungkan strategi eksplisitasi ini dengan pengaruh aliran pemikiran yang dipegang oleh penterjemah.

2.2 Terjemahan Ayat Mutashabihat dalam al-Quran

Ayat al-Quran boleh dikategorikan kepada dua (2) jenis, iaitu *al-Muhkam* dan *al-Mutashabih* (المحكم والمتشابه). Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza tentang maksud kedua-dua istilah tersebut. al-Qattan (1992: 207) contohnya menyatakan tiga perbezaan pandangan ulama tentang makna kedua-duanya. Pertama, *al-Muhkam* ialah ayat yang diketahui tafsirannya, sedangkan *al-Mutashabih* ialah ayat yang tidak diketahui oleh siapa pun, kerana pentafsirannya adalah hak mutlak Allah SWT. Kedua, *al-Muhkam* ialah ayat yang mengandungi satu bentuk pentafsiran (*wajh*), sedangkan *al-Mutashabih* ialah ayat yang mengandungi banyak pentafsiran (*awjah*). Ketiga, *al-Muhkam* ialah ayat yang maksudnya dapat diketahui secara terus tanpa memerlukan huraian lain, sedangkan *al-Mutashabih* ialah ayat yang memerlukan huraian dengan merujuk kepada ayat lain. *Mufasir* al-Qurtubi (1964/4: 9) dan al-Tabari (2001/6: 180) contohnya cenderung kepada takrifan yang pertama.

Berdasarkan takrifan ini dapat dirumuskan bahawa *al-Muhkam* adalah ayat yang mengandungi hanya satu pentafsiran sahaja, yang mana para mujtahid tidak berbeza pandangan tentang pentafsirannya. Dengan erti kata lain, ayat *al-Muhkam* ialah ayat yang mempunyai makna mutlak, seperti ayat berkaitan dengan kewajipan solat, puasa pada bulan Ramadhan, halalnya jual beli dan haramnya riba, dan sebagainya (al-Zarkashi, 1990/2: 199). Manakala *al-Mutashabihat* adalah ayat yang petunjuk lafaznya (*dilalat*) tidak jelas atau ayat yang mengandungi pelbagai dimensi makna. Daripada definisi tersebut dapat difahami bahawa *al-Mutashabihat* adalah ayat yang maknanya tidak jelas, atau ayat yang tidak boleh berdiri sendiri tanpa pentafsiran daripada ayat yang lain untuk mendapatkan maksudnya. Contohnya ialah ayat-ayat tentang berlakunya hari Kiamat, kemunculan Dajjal, dan huruf *al-muqata'ah* pada awal surah (al-Suyūṭī, 1999/1: 592).

Dalam menangani isu ayat *al-Mutashabihat* dalam al-Quran, secara umumnya terdapat empat aliran pemikiran, iaitu *al-Tafwid*, *al-Tashbih*, *al-Ta'wil* dan *al-Ithbat bi Dawabit* (Mat Idris & Suliaman, 2015: 63). Antara perkataan dalam al-Quran yang

mempunyai kaitan dengan unsur *mutashabihat*, seperti: *al-istiwa'* (الاستواء), muka (الوجه), mata (العين), tangan (اليد), dan sebagainya (al-Suyūṭī: 1999/1: 602).

2.2.1 *al-Tafwid*

Jumhur Ahli Sunnah (Salaf dan Ahli Hadis) beriman ke atas maksud lafaz-lafaz *al-Mutashabihat* dalam al-Quran dan menyerahkan maksud sebenar lafaz-lafaz tersebut kepada Allah SWT (*al-tafwid*), tidak ditafsirkan namun ditanzihkan menurut hakikatnya. Antara tokoh ulama yang berpegang dengan pendirian ini ialah Sufyan al-Thawri, Malik, Ibn al-Mubarak, Ibn 'Uyaynah, dan Waki' Rahimahumullah. *Al-tafwid* merupakan sikap tidak melakukan takwil secara terperinci dan menerima pakai makna umum *qat'i* yang disepakati oleh semua ulama yang terkandung dalam nas-nas sifat *al-Mutashabihat*. Dalam waktu sama, *Al-tafwid* juga menolak sebarang makna kekurangan bagi Allah SWT termasuk menafikan sebarang bentuk *tashbih* dan *tajsim* dengan makhlukNya. Metode ini dikatakan banyak dipraktik oleh golongan Salaf kerana menurut mereka sesuatu makna khusus yang dipadankan kepada nas-nas sifat *Mutashabihat*, adalah hanya bersifat sangkaan (*zanni*). Sedangkan sebahagian nas-nas sifat *Mutashabihat* terdiri daripada persoalan akidah yang memerlukan makna yang putus (*qat'i*). Mengambil contoh lafaz *yad* (tangan), ulama Salaf dalam hal ini bersepatat menyatakan bahawa makna umum ayat tersebut bermaksud Allah SWT menyokong perbuatan para sahabat yang berbaiah dengan Rasulullah SAW untuk menolong agama Allah SWT. Walau bagaimanapun, mereka tidak berusaha menentukan makna khusus bagi lafaz *yad* tersebut, sebaliknya mereka beriman dengannya dan menyerahkan makna khusus lafaz tersebut kepada Allah SWT sahaja, di samping menafikan sebarang makna yang mustahil bagi Allah SWT untuk dikaitkan dengan lafaz tersebut (Wahab, Nasir dan Omar, 2014: 142).

Abu Hasan al-Ash'ari dalam karyanya yang bertajuk *al-Ibanah* menyatakan setiap sifat itu tidak boleh difahami dengan makna zahirnya dan takwil. Sebaliknya ianya perlu difahami dengan cara *bila kayf* (tanpa bentuk-bentuk yang tertentu), serta menyerahkan kepada ilmu Allah SWT tentang *kayf* tersebut. Sifat Allah SWT itu merupakan sifat sebenar bagiNya, namun manusia tidak mampu mengetahui hakikat sebenar sifat tersebut secara tepat. Justeru itu aliran Abu Hasan al-Ash'ari dalam hal ini ialah *al-tafwid*, beliau tidak berpegang dengan zahir nas dan tidak pula mentakwil. Sebenarnya tindakan beliau dalam hal ini menyamai pandangan Salaf (bin Mat Idris, bin Suliaman, bin Salleh, bin Yusof, bin Abdul Wahab, dan bin Mohd Razali, 2015: 129).

2.2.2 *al-Takwil*

Sebahagian daripada Ahli Sunnah (Khalaf) pula memalingkan (*takwil*) ayat-ayat tersebut daripada maknanya yang sebenar dan mentafsirkannya dengan suatu tafsiran yang bersesuaian dengan kemuliaan Allah SWT. Antara tokoh ulama yang berpegang dengan pendirian ini ialah Ibn Burhan. Adapun Ibn Daqiq al-'Id beliau bersikap pertengahan, dengan katanya:

“Apabila takwil itu dekat dengan lisan orang Arab maka tidak diingkari. Apabila jauh maka kami bertawaqquf dan beriman kepada maknanya sesuai yang dikehendaki oleh Allah SWT beserta mentanzihkannya. Dan apabila makna daripada lafaz-lafaz ini secara zahirnya dapat difahami daripada khitab orang Arab, maka kami mengatakannya tanpa bersikap tawaqquf, seperti dalam surah al-Zumar ayat 56 [ياحسرتا على ما فرطت في جنب الله]. Justeru kami

mentakwilkannya dengan “hak Allah SWT” dan apa yang patut untuk diriNya.” (al-Suyūṭī, 1999/1: 610).

Golongan Khalaf beranggapan bahawa nas-nas sifat *Mutashabihat* harus dijelaskan maknanya kerana nas-nas tersebut boleh mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat awam, di samping memahami makna literalnya akan membawa kepada pengertian menjisimkan Allah SWT seperti makhlukNya. Alasan tersebut menjadikan majoriti ulama Khalaf mengharuskan takwil *Mutashabihat* sesuai dengan makna yang disifatkan Allah SWT. Mereka beralaskan sebuah hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW mendoakan Ibn ‘Abbas RA supaya diajarkan ilmu takwil. Situasi ini menunjukkan bahawa kefahaman tentang ilmu takwil adalah suatu perkara yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada para hambaNya dan ia bukan suatu tegahan. Sebilangan ulama lagi berpendapat bahawa jika nas-nas sifat *Mutashabihat* itu berada dekat dengan lingkungan kaedah bahasa Arab dan sesuai untuk ditakwil, maka pentakwilannya adalah diharuskan. Namun jika ia berada jauh daripada lingkungan kaedah bahasa Arab, maka mereka mengambil sikap berdiam diri (*tawaqquf*) untuk tidak melakukan sebarang takwilan. Walau bagaimanapun, keharusan mentakwil nas-nas sifat *Mutashabihat* memerlukan kepada beberapa syarat penting agar kesucian nas al-Quran dan hadis berkaitan sifat Allah SWT tetap terpelihara. Antara syarat yang dimaksudkan ialah; pentakwil merupakan ulama pakar dan mahir dalam bahasa Arab, manakala nas yang ingin ditakwil hendaklah bukan daripada nas yang sudah jelas maknanya, di samping makna zahir nas pula jika dipakai akan bertentangan dengan akidah ketuhanan yang disepakati dalam Islam, serta perlu ada bukti kukuh yang membenarkan pertakwilan tersebut. Oleh itu, sebarang takwilan yang tidak selari dengan syarat-syarat yang ditetapkan ini adalah ditolak dan tidak termasuk dalam kategori takwil yang diterima oleh Ahli Sunnah Wajamaah. Syarat-syarat tersebut dikemukakan bagi membezakan di antara metode takwilan Ahli Sunnah Wajamaah dengan metode takwilan aliran-aliran bidaah lain (Wahab, Nasir dan Omar, 2014: 142).

2.2.3 *al-Tashbih*

Aliran ini berpegang dengan penyerupaan sifat Allah SWT dengan manusia. Mereka berhujah bahawa Allah SWT tidak berfirman dengan ayat-ayatNya melainkan ayat-ayat tersebut dapat difahami oleh akal manusia. Selain itu, mereka mendakwa tidak dapat memahami ayat-ayat sifat melainkan dengan cara *al-Tashbih*. Golongan ini turut menjadikan ayat al-Quran sebagai hujah penyokong pandangan mereka. Contohnya adalah pada surah al-Ikhlās ayat 2 “*Allahu al-Samad*”. Golongan *al-Tashbih* berhujah dengan ayat ini yang menyatakan bahawa Allah SWT berjisim seperti jisim-jisim yang lain (Jabir, 2002/2: 37).

Aliran ini berpegang dengan zahir ayat dan tafsirannya pula dibuat dengan merujuk kepada *mu’jam* dalam bahasa Arab. Alasannya kerana al-Quran dan hadis itu kedua-duanya dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian apabila diajukan persoalan kepada mereka tentang tangan Allah SWT, maka jawapan mereka ialah: “*tanganNya sama seperti tangan kita semua, kerana apabila disebut tangan yang akan difahami dalam bahasa kita ialah tangan manusia bukan lainnya*” (Hakimi dan Idris, 2016: 77).

2.2.4 *al-Ithbat bi dawabit*

Manakala aliran keempat adalah yang menolak pandangan yang diutarakan oleh tiga aliran yang terdahulu bahkan mereka mensabitkan bagi Allah SWT apa sahaja yang Allah SWT sabitkan bagi diriNya dengan bentuk dan keadaan yang hanya difahami olehNya jua (Mohd Faiz Hakimi dan Ishak, 2015: 63).

Terdapat tiga (3) kajian terdahulu berkaitan terjemahan *ayat mutashabihat* dalam al-Quran, tetapi tidak mengaitkan secara langsung dengan eksplisitasi sebagai satu prosedur dan strategi dalam terjemahan iaitu Muhammad, et. al. (2015), Abdullah (2015b.) dan Abdullah dan Wazir (2015).

Kajian Muhammad, et. al. (2015) membandingkan antara terjemahan al-Quran yang dikeluarkan oleh Arab Saudi dalam bahasa Indonesia dan terjemahan yang dihasilkan di nusantara alam Melayu iaitu Indonesia dan Malaysia berhubung dengan terjemahan *ayat Mutashabihat*. Kajian tersebut mendapati terjemahan Arab Saudi menterjemahkan perkataan berkaitan *Mutashabihat* secara literal dan ini selaras dengan mazhab yang tidak mentakwilkan *ayat Mutashabihat*. Manakala terjemahan nusantara alam Melayu lebih cenderung untuk membuat penjelasan tentang makna perkataan berkaitan *Mutashabihat* dan ini selaras dengan pegangan mazhab jumhur ulama Ahl al-Sunnah yang tidak menolak takwil sebagai satu medium pentafsiran.

Kajian Abdullah (2015b.) menganalisis kaedah terjemahan ayat 15 Surah *al-Fath* iaitu firman Allah SWT (يد الله فوق أيديهم) oleh dua (2) penterjemah dari Indonesia iaitu Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan serta seorang penterjemah dari Malaysia iaitu Abdullah Basmeih. Penulis melihat kaedah terjemahan dari sudut terjemahan literal dan terjemahan *maknawi* tanpa fokus kepada eksplisitasi sebagai satu prosedur dan strategi dalam terjemahan. Kajian ini mendapati ketiga-tiga penterjemah tersebut tidak menggunakan kaedah terjemahan yang sama dalam menterjemahkan ayat *Mutashabihat* tersebut. Analisis merumuskan Mahmud Yunus condong kepada mengekalkan makna literal perkataan (يد) iaitu (tangan) tanpa pentafsiran atau takwilan. Manakala Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan lebih cenderung membuat huraian terhadap makna perkataan (يد) dengan merujuk kepada maksud kekuasaan, kekuatan dan pengawasan. Kajian tersebut menyatakan pendekatan para penterjemah tersebut mungkin dipengaruhi oleh doktrin atau mazhab tertentu.

Kajian Abdullah dan Wazir (2015) pula menganalisis kaedah terjemahan ayat (استوى على العرش) yang terdapat pada tujuh (7) ayat al-Quran iaitu ayat 54 Surah *al-A'araf*, ayat 3 Surah *Yunus*, ayat 2 Surah *al-Ra'd*, ayat 59 Surah *al-Furqan*, ayat 4 Surah *al-Sajadah* dan ayat 4 Surah *al-Hadid*, serta ayat 5 Surah *Taha*. Objektif kajian ini adalah membandingkan kaedah terjemahan ayat-ayat tersebut dalam kalangan Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan untuk mengetahui kecenderungan mereka kepada mazhab atau doktrin tertentu. Analisis terhadap 7 sampel menunjukkan bahawa Zaini Dahlan condong kepada pengekalan makna literal tanpa takwilan. Dapatan ini berbeza dengan kajian terdahulu oleh Abdullah (2015b.) yang mendapati Zaini Dahlan lebih cenderung membuat huraian terhadap makna perkataan (يد). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa beliau tidak konsisten dalam penggunaan kaedah terjemahan *ayat Mutashabihat* dan ini secara langsung tidak boleh dikaitkan dengan kecenderungan pegangan mazhabnya.

Manakala, Abdullah Basmeih lebih cenderung membuat huraian dan takwilan dalam semua tujuh (7) ayat al-Quran yang dikaji. Ini berbeza dengan Mahmud Yunus yang kelihatan tidak cenderung kepada mana-mana mazhab atau doktrin kerana beliau tidak menggunakan satu kaedah terjemahan yang sama untuk tujuh (7) sampel ayat tersebut. Dia mentakwilkan (استوى) dengan (berkuasa) pada empat (4) ayat, sedangkan pada tiga (3) ayat yang lain beliau mengekalkan makna literal (استوى) iaitu (bersemayam) tanpa takwilan. Dapatan ini ternyata bercanggah dengan kajian sebelum ini oleh Abdullah (2015b.) yang menyatakan kemungkinan adanya pengaruh mazhab dalam kaedah terjemahan Mahmud Yunus. Rumusannya, pendekatan Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan dalam menterjemahkan

ayat Mutashabihat tidak boleh dihubungkan dengan pengaruh mazhab mereka berdua kerana penggunaan kaedah terjemahan yang tidak konsisten.

Berdasarkan tinjauan persuratan tersebut, penulis berpandangan perlu ada kajian lanjut untuk meneliti bentuk-bentuk eksplisitasi yang digunakan dalam menterjemahkan *ayat Mutashabihat* ke bahasa Melayu serta menghubungkannya secara lebih khusus dengan pengaruh aliran pemikiran yang dipegang oleh penterjemah sama ada condong kepada *al-Tafwid*, *al-Tashbih*, *al-Ta'wil* atau *al-Ithbat bi Dawabit*.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti bentuk eksplisitasi yang terdapat dalam terjemahan *ayat-ayat Mutashabihat* dalam al-Quran serta menghubungkannya dengan pengaruh aliran pemikiran yang dipegang oleh penterjemah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menjurus kepada analisis kandungan teks al-Quran yang dihurai secara deskriptif. Kajian ini memilih tiga (3) perkataan yang terdapat dalam teks al-Quran sebagai sampel kajian iaitu perkataan (يد), (استوى) dan (أعين).

Pengumpulan data dilakukan menggunakan *software Maktabah Syamilah* iaitu sebuah program komputer yang berfungsi sebagai perpustakaan digital dan buku elektronik. Penggunaan *software* ini adalah kerana teknik pencarian objek yang mudah dan mesra. Hasil dari carian maklumat melalui *software* tersebut adalah seperti berikut:

- i. Perkataan (يد) disebut sekali dalam al-Quran, iaitu firman Allah SWT (يد الله فوق أيديهم) dalam ayat 15 Surah *al-Fath*.
- ii. Perkataan (استوى) disebut tujuh (7) kali dalam al-Quran, iaitu firman Allah SWT (استوى) yang terdapat pada enam (6) ayat al-Quran, iaitu: ayat 54 Surah *al-A'raf*, ayat 3 Surah *Yunus*, ayat 2 Surah *al-Ra'd*, ayat 59 Surah *al-Furqan*, ayat 4 Surah *al-Sajadah*, dan ayat 4 Surah *al-Hadid*, serta firman Allah SWT (الرحمن على العرش استوى) yang terdapat pada ayat 5 Surah *Taha*.
- iii. Perkataan (أعين) yang dinisbahkan kepada Allah SWT disebut empat (4) kali dalam al-Quran, iaitu ayat 37 Surah *Hud*, ayat 27 Surah *al-Mu'minun*, ayat 48 Surah *al-Tur*, dan ayat 14 Surah *al-Qamar*. Kesemua perkataan tersebut bersambung dengan partikel (ب) di depan dan kata ganti nama (نا) di belakang iaitu (بأعيننا).

Korpus kajian pula adalah teks al-Quran yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih (2010) iaitu *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Mahmud Yunus (2008) iaitu *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*, dan Zaini Dahlan iaitu *Qur'an Karim dan Terjemahan Artinya* (1999). Bagi memudahkan analisis, data ayat al-Quran dan terjemahannya ditunjukkan dalam jadual bagi memudahkan penerangan, penjelasan dan perbandingan. Data yang mengandungi eksplisitasi akan ditanda dengan garisan di bawah.

Penulis juga menggunakan akronim dalam Jadual 1, 2 dan 3 iaitu TAB bagi Terjemahan Abdullah Basmeih, TMY bagi Terjemahan Mahmud Yunus dan TZD bagi Terjemahan Zaini Dahlan.

4. Dapatan Kajian

Berdasarkan pemerhatian awal penulis, ada penterjemah yang mengekalkan makna literal teks al-Quran tanpa takwilan dan pendekatan ini boleh dihubungkan dengan pengaruh aliran pemikiran *al-Tashbih* dalam memahami ayat *Mutashabihat*. Selain itu, ada penterjemah yang menggunakan prosedur eksplisitasi dengan pelbagai bentuk. Bentuk eksplisitasi yang pelbagai ini boleh dihubungkan dengan pengaruh aliran pemikiran tertentu sama ada *al-Tafwid*, *al-Ta'wil* atau *al-Ithbat bi Dawabit*. Berikut ialah analisa terhadap terjemahan perkataan (يد), (استوى), dan (أعين) yang menjadi sampel kajian:

Jadual 1. Frasa (يد الله)

1.	<p style="text-align: center;">﴿يد الله فوق أيديهم﴾ Surah <i>al-Fath</i> (48): ayat 15</p>	<p>TAB: <u>Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya)</u></p> <p>TMY: <u>Tangan Allah di atas tangan mereka.</u></p> <p>TZD: <u>Kekuasaan Allah di atas kekuatan mereka yang berkhianat.</u></p>
----	--	---

Jadual 1 menunjukkan terjemahan untuk frasa (يد الله) daripada tiga (3) teks terjemahan yang menggunakan pendekatan terjemahan yang tidak sama. Mahmud Yunus menterjemahkan ayat tersebut dengan mengekalkan makna literal tanpa takwilan sama sekali iaitu “*Tangan Allah di atas tangan mereka*”. Pendekatan sebegini seiring dengan aliran pemikiran *al-Tashbih* yang berpegang dengan zahir ayat.

Manakala Abdullah Basmeih menterjemahkan ayat tersebut secara *maknawi* tanpa makna literal sama sekali iaitu “*Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya)*”. Kelihatan di sini beliau cuba menzahir makna implisit bagi perkataan (يد) dalam teks sumber dengan menggunakan eksplisitasi dalam bentuk penambahan maklumat dan dalam waktu yang sama meletakkan tanda kurungan.

Berbeza sedikit dengan pendekatan terjemahan Zaini Dahlan yang menterjemahkan ayat tersebut kepada “*Kekuasaan Allah di atas kekuatan mereka yang berkhianat*”. Beliau menggunakan perkataan “*kekuasaan*” sebagai ganti kepada “*tangan*” yang merujuk kepada makna (يد). Beliau menggunakan eksplisitasi bentuk pengkhususan. Pendekatan Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan ini selaras dengan aliran pemikiran *al-Ta'wil* yang memalingkan ayat *Mutashabihat* daripada maknanya yang sebenar dan mentafsirkannya dengan tafsiran yang bersesuaian dengan kedudukannya dalam nas tersebut.

Seterusnya, penulis kemukakan di bawah ini 7 data ayat al-Quran yang berkait dengan perkataan *Mutashabihat* iaitu (استوى) dalam satu jadual iaitu Jadual 2 untuk memudahkan perbincangan dan penjelasan serta membuat perbandingan.

Jadual 2. Ayat (الرحمن على العرش استوى) dan (استوى على العرش)

1.	﴿ استوى على العرش ﴾ Surah <i>al-A'araf</i> (7): Ayat 54	TAB: Lalu Dia bersemayam di atas 'arsy. (212) <u>(212) Allah bersemayam di atas 'Arasy: ya'ni menurut cara yang layak bagiNya; kerana Allah 'Azza wa Jalla Maha Suci Dari segala-gala cara yang difikir dan difahamkan.</u> TMY: Kemudian Dia bersemayam di atas 'arsy. TZD: Kemudian bersemayam di 'arsy
2.	﴿ استوى على العرش ﴾ Surah <i>Yunus</i> (10): Ayat 3	TAB: Kemudian Ia bersemayam di atas 'arsy. (305) <u>(305) Allah 'Azza wa Jalla bersemayam di atas 'Arasy menurut cara yang layak bagiNya.</u> TMY: Dia bersemayam di atas 'arsy. TZD: Kemudian Dia bersemayam di atas 'arsy.
3.	﴿ استوى على العرش ﴾ Surah <i>al-Hadid</i> (57): Ayat 4	TAB: Kemudian Ia bersemayam di atas 'arsy. (1723) <u>(1723) Allah 'Azza wa Jalla bersemayam di atas 'Arasy, ya'ni menurut cara yang layak bagiNya.</u> TMY: Kemudian Dia bersemayam di atas 'arsy. TZD: Kemudian bersemayam di 'arsy
4.	﴿ استوى على العرش ﴾ Surah <i>al-Ra'd</i> (13): Ayat 2	TAB: Kemudian Ia bersemayam di atas 'arsy. (436) <u>(436) Allah 'Azza wa Jalla bersemayam di atas 'Arasy, ya'ni menurut cara yang layak bagiNya.</u> TMY: Dia bersemayam di atas 'arsy (<u>berkuasa</u>). TZD: Kemudian bersemayam di 'arsy.
5.	﴿ استوى على العرش ﴾ Surah <i>al-Furqan</i> (25): Ayat 59 -	TAB: Kemudian Ia bersemayam di atas 'arsy. (1189) <u>(1189) Allah 'Azza wa Jalla bersemayam di</u>

		<p><i>atas 'Arasy, ya'ni menurut cara yang layak bagiNya.</i></p> <p>TMY: <i>Kemudian Dia bersemayam di atas 'arsy (berkuasa).</i></p> <p>TZD: <i>Kemudian bersemayam di 'arsy.</i></p>
6.	<p>﴿ استوى على العرش ﴾ Surah al-Sajadah (32): Ayat 4</p>	<p>TAB: <i>Kemudian Ia bersemayam di atas 'arsy. (1417)</i></p> <p><i>(1417) Allah 'Azza wa Jalla bersemayam di atas 'Arasy, ialah menurut cara yang layak bagiNya.</i></p> <p>TMY: <i>Dia bersemayam (berkuasa) di atas 'arsy.</i></p> <p>TZD: <i>Kemudian bersemayam di 'arsy.</i></p>
7.	<p>﴿ الرحمن على العرش استوى ﴾ Surah Taha (20): Ayat 5</p>	<p>TAB: <i>Iaitu (Allah) ar-Rahmaan yang bersemayam di atas 'arsy. (849)</i></p> <p><i>(849) Allah 'Azza wa Jalla bersemayam di atas 'Arasy, ya'ni menurut cara yang layak bagiNya.</i></p> <p>TMY: <i>(Dia) Maha Pengasih bersemayam (berkuasa) di atas 'arsy (singgahsana).</i></p> <p>TZD: <i>Yaitu Allah yang Maha Pemurah yang bersemayam di 'arsy.</i></p>

Jadual 2 menunjukkan terjemahan untuk perkataan (استوى) daripada tiga (3) teks terjemahan yang menggunakan pendekatan terjemahan yang tidak sama. Dapat diperhatikan bahawa Zaini Dahlan menterjemahkan ayat tersebut dengan mengekalkan makna literal tanpa takwilan langsung iaitu “Kemudian bersemayam di ‘arsy” untuk ayat 54 Surah *al-A'raf*, ayat 4 Surah *al-Hadid*, ayat 2 Surah *al-Ra'd*, ayat 59 Surah *al-Furqan* dan ayat 4 Surah *al-Sajadah*, dan “Kemudian Dia bersemayam di atas ‘arsy” untuk ayat 3 Surah *Yunus*, serta “Yaitu Allah yang Maha Pemurah yang bersemayam di ‘arsy” untuk ayat 5 Surah *Taha*. Pendekatan sebegini seiring dengan aliran pemikiran *al-Tashbih* yang berpegang dengan zahir ayat.

Manakala Abdullah Basmeih menterjemahkan semua ayat tersebut dengan mengekalkan makna literal iaitu “Lalu Dia bersemayam di atas ‘arsy” atau “Kemudian Ia bersemayam di atas ‘arsy” atau “Iaitu (Allah) ar-Rahmaan yang bersemayam di atas ‘arsy”, dan kemudian diikuti dengan eksplisitasi dalam bentuk maklumat tambahan dalam nota kaki iaitu “Allah bersemayam di atas ‘Arasy: ya'ni menurut cara yang layak bagiNya; kerana Allah 'Azza wa Jalla Maha Suci Dari segala-gala cara yang difikir dan difahamkan.”

Kelihatan di sini beliau cuba memberi penjelasan dan huraian tentang makna implisit bagi perkataan itu dalam teks sumber. Pendekatan Abdullah Basmeih ini selaras dengan aliran pemikiran *al-Ithbat bi Dawabit* iaitu mensabitkan bagi Allah SWT bapa sahaja yang Allah SWT sabitkan bagi diriNya dengan bentuk dan keadaan yang hanya difahami oleh Allah SWT sahaja.

Ini berbeza dengan Mahmud Yunus yang menggunakan pendekatan terjemahan yang tidak sama antara tujuh ayat al-Quran tersebut. Dia menterjemahkan ayat 54 Surah *al-A'araf*, ayat 4 Surah *al-Hadid* dan ayat 3 Surah *Yunus* dengan mengekalkan makna literal tanpa takwilan langsung iaitu “Kemudian Dia bersemayam di atas ‘arsy. Pendekatan sebegini seiring dengan aliran pemikiran *al-Tashbih* yang berpegang dengan zahir ayat.

Tetapi dalam ayat yang lain pula iaitu ayat 4 Surah *al-Sajadah*, ayat 2 Surah *al-Ra’d*, ayat 59 Surah *al-Furqan* dan ayat 5 Surah *Taha*, Mahmud Yunus kelihatan cuba memberi penjelasan dan huraian tentang makna implisit bagi perkataan tersebut dengan menggunakan eksplisitasi dalam bentuk maklumat tambahan dalam kurungan. Sebagai contoh beliau terjemahkan ayat 4 Surah *al-Sajadah* dengan “Dia bersemayam (*berkuasa*) di atas ‘arsy. Beliau meletakkan perkataan (*berkuasa*) dalam kurungan sebagai penjelasan makna kepada (استوى). Pendekatan Mahmud Yunus ini selaras dengan aliran pemikiran *al-Ta’kwil* yang memalingkan *ayat Mutasyabihat* daripada maknanya yang sebenar dan mentafsirkannya dengan tafsiran yang bersesuaian dengan kedudukannya dalam sesuatu nas.

Jadual 3. Perkataan (أعين)

1.	<p>﴿وَاصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُعْرِضُونَ﴾ Surah <i>Hud</i> (11): Ayat 37</p>	<p>TAB: “Dan buatlah bahtera dengan <u>pengawasan serta kawalan Kami</u>, dan dengan panduan wahi Kami (tentang cara membuatnya); dan janganlah engkau merayu kepadaKu untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan)”.</p> <p>TMY: Dan hendaklah kamu membuat bahtera dengan <u>penjagaan</u> dan wahyu Kami dan janganlah engkau bicarakan kepadaKu tentang orang-orang yang zalim, sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan.</p> <p>TZD: Kini buatlah bahtera <u>dengan pengawasan</u> dan petunjuk Kami, dan jangan kau tanyakan kepadaKu tentang orang yang zalim.</p>
2.	<p>﴿فَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ أَنْ اصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا فَإِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ التَّنُّورُ...﴾ Surah <i>al-Mu'minun</i> (23): Ayat 27</p>	<p>TAB: Lalu Kami wahikan kepadanya: “Buatlah bahtera dengan <u>pengawasan serta kawalan Kami</u>, dan dengan panduan wahi Kami (tentang cara membuatnya); kemudian apabila datang hukum Kami untuk membinasakan mereka, dan air memancut-mancut dari muka bumi (yang menandakan kedatangan taufan),</p> <p>TMY:</p>

		<p>Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah bahtera dengan <u>penjagaan</u> dan perintah Kami. Maka apabila telah datang perintah Kami dan mendidih air di dapur....</p> <p>TZD: Kemudian Kami wahyukan kepadanya, "Buatlah bahtera di bawah <u>pengawasan</u> Kami dan menurut petunjuk Kami; bila perintah Kami datang dan air keluar di tungku dapur....</p>
3.	<p>﴿وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ﴾ Surah at-Tur (52): Ayat 48</p>	<p>TAB: Dan (dengan yang demikian) bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), kerana sesungguhnya engkau <u>tetap terselamat dalam pemeliharaan serta pengawasan Kami</u>; dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun.</p> <p>TMY: Sabarlah engkau (ya Muhammad) (menerima) hukum Tuhanmu, sesungguhnya engkau di dalam <u>penglihatan</u> Kami, dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu, ketika kamu berdiri.</p> <p>TZD: Bersabarlah menunggu ketetapan Tuhanmu, yakinlah bahwa kamu dalam <u>pengawasan</u> Kami, bertasbihlah memuji Tuhanmu ketika kamu berdiri.</p>
4.	<p>﴿تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءً لِمَنْ كَانَ كُفْرًا﴾ Surah al-Qamar (54): Ayat 14</p>	<p>TAB: Yang belayar laju dengan <u>pemeliharaan dan pengawasan Kami</u>; (Kami melakukan yang demikian dan menimpakan taufan itu) sebagai balasan bagi orang-orang yang kufur ingkar!</p> <p>TMY: Perahu itu berlayar dengan <u>pandangan (penjagaan) Kami</u>, sebagai balasan dari orang yang telah disangkal (Nuh).</p> <p>TZD: Bahtera itu pun berlayar di bawah <u>lindungan</u> Kami sebagai balasan orang-orang yang diingkari.</p>

Jadual 3 menunjukkan terjemahan untuk perkataan (أعين) daripada tiga (3) teks terjemahan. Perkataan (أعين) adalah kata nama jamak kepada perkataan (عين) yang bermaksud mata secara literalnya. Dapat diperhatikan bahawa ketiga-tiga teks terjemahan tidak mengekalkan makna literal perkataan tersebut, bahkan mereka menterjemahkan perkataan itu secara maknawi. Ini bermakna mereka membuat takwilan terhadap makna perkataan (أعين). Dari sudut pengajian terjemahan, strategi sebegini dikenali dengan eksplisitasi.

Dengan merujuk kepada Jadual 3, didapati ketiga-tiga teks terjemahan mengguna pakai bentuk eksplisitasi yang sama untuk Ayat 1 dan 2 iaitu bentuk pengkhususan. Namun setiap penterjemah memilih padanan leksikal yang berbeza untuk memberi penjelasan dan huraian tentang makna implisit bagi perkataan (أعين) seperti berikut:

Jadual 4: Padanan Leksikal Untuk Perkataan (أعين) mengikut penterjemah

Penterjemah	Padanan Leksikal untuk perkataan (أعين)
Abdullah Basmeih	pengawasan dan kawalan
Mahmud Yunus	penjagaan
Zaini Dahlan	pengawasan

Untuk ayat 3, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan menggunakan prosedur eksplisitasi bentuk pengkhususan iaitu menterjemahkan (أعين) kepada *penglihatan* dan *pengawasan*. Hal ini berbeza sedikit dengan strategi Abdullah Basmeih yang menggunakan bentuk penambahan maklumat untuk menterjemah ayat (فإنك بأعيننا) iaitu “*sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam pemeliharaan serta pengawasan Kami.*”

Manakala untuk ayat 4, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan menggunakan eksplisitasi bentuk pengkhususan iaitu menterjemahkan (أعين) kepada *pemeliharaan dan pengawasan* dan *lindungan*. Ini berbeza dengan Mahmud Yunus yang membuat eksplisitasi bentuk pengkhususan dan dalam waktu yang sama memasukkan maklumat tambahan dalam kurungan iaitu “*Perahu itu berlayar dengan pandangan (penjagaan) Kami, sebagai balasan dari orang yang telah disangkal (Nuh).*”

Hasil daripada analisis terhadap empat (4) ayat dalam Jadual 3, didapati teks terjemahan berbahasa Melayu mengguna pelbagai padanan leksikal dalam mentafsirkan makna implisit bagi perkataan (أعين) yang dinisbahkan kepada Allah SWT iaitu pengawasan, kawalan, penjagaan, penglihatan, pengawasan, pemeliharaan dan lindungan.

5. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa prosedur eksplisitasi boleh digunakan untuk menjelaskan ayat *Mutashabihat*. Hasil kajian terhadap dua belas (12) ayat al-Quran menunjukkan bahawa terjemahan ayat-ayat *Mutashabihat* menggunakan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran. Zaini Dahlan menggunakan eksplisitasi bentuk pengkhususan. Mahmud Yunus menggunakan dua bentuk eksplisitasi, iaitu: i) pengkhususan, dan ii) maklumat tambahan dalam kurungan. Begitu juga dengan Abdullah Basmeih yang menggunakan dua bentuk eksplisitasi, iaitu: i) penambahan maklumat, dan ii) maklumat tambahan dalam nota kaki.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan ada ketika mengekalkan makna literal teks al-Quran tanpa takwilan dan kadang-kadang condong kepada aliran pemikiran al-Takwil dalam menterjemahkan ayat *Mutashabihat*. Manakala Abdullah Basmeih pula lebih cenderung kepada aliran pemikiran *al-Ta'wil* dan *al-Ithbat bi Dawabit* dalam memberikan maksud ayat *Mutashabihat*.

Eksplisitasi dilihat sebagai satu prosedur yang diguna pakai oleh penterjemah teks al-Quran, terutamanya apabila berhadapan dengan terjemahan al-Quran yang terkenal dengan ciri-ciri khusus seperti *i'jaz*. Selain itu, prosedur ini turut digunapakai untuk menjelaskan ayat yang mempunyai unsur elipsis atau gaya bahasa figuratif. Kajian ini diharapkan dapat

menyumbang kepada pengayaan kosa ilmu mengenai prosedur dan strategi terjemahan dalam teks terjemahan al-Quran bahasa Melayu, selain dapat menjadi rujukan kepada pembaca dan penyelidik dalam bidang terjemahan Arab-Melayu.

Rujukan

- Abd Rahman, A. K. (2016). Perbezaan status terjemahan al-Quran berbanding dengan teks asalnya dari perspektif pengkajian terjemahan moden. *Jurnal Penterjemah*. Bil. 19. Isu 2. 19-39.
- Abd Rahman, L. & Abdullah, N. (2018). Eksplisitasi dalam terjemahan Hadis Nabawi. Dlm. *Prosiding the 6th. International Prophetic Heritage Conference (SWAN2018)*. 2-3 Oktober 2018. Istanbul, Turki.
- Abdullah, N. (2015b.). Tarjamah al-ta'bir al-Qurani (Yadullah fauqa aidihim) ila al-lughah al-Malayuwiyyah: Dirasat tahliliyyah li uslub al-tarjamah fi al-tarajum al-Malayuwiyyah al-fardiyyah. Dlm. *Proceedings of 2nd. Postgraduate Inter-Varsity Conference (SAPLI2015)*. 16-17 Disember 2015. The Everly Hotel, Putrajaya.
- Abdullah, N. & Wazir, R. (2015). Tarjamah al-tliyyah li uslub al-tarjamah fi al-tarajum al-Malayuwiyyah al-fardiyyah. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi (E-JPI)*, Jilid II, Isu II (September 2015). 50–66.
- Abdullah, N. (2015a.). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil. 8. Isu 3. Edisi Khas (Disember), 35-54.
- Abdullah, N. (2017). Asbab al-dha'fi fi mada maqruiyyah al-nusus al-Quraniyyah al-mutarjamah ila al-lughah al-Malayuwiyyah. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, Vol. 2, No. 1, June 2017. 77-86.
- Al-Baydhāwi, N. (2003). *Anwar al-tanzil wa asrar al-ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Qattan, M. (1992). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Qurtubi, A. (1964). *al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. Jil. 4. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Suyūṭī, J. (1999). *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Jil. 1. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- al-Tabari, M. J. (2001). *Tafsir al-Tabari*. Jil. 6. Kaherah: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasah al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- Al-Zamakhshari, M. (1995). *Al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Zarkashi, B. M. (1990). *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Jil. 2. Kaherah: Dar al-Turath.
- Anon. (2011). *Al-Quran mushaf Malaysia dan terjemahan*. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Anon. (2015). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, A. (2010). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- bin Mat Idris, M. F. H., bin Suliaman, I., bin Salleh, A. Z., bin Yusof, S., bin Abdul Wahab, A. H., & bin Mohd Razali, M. A. T. (2015). Al-Asha'irah: Faktor perkembangan dan metodologi argumentasinya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 11(3), 121-132.
- Dahlan, Z. (1999). *Qur'an Karim dan terjemahan artinya*. Yogyakarta: UII Press.
- Hakimi, M. F., & Idris, M. (2016). *Metode wasatiyyah sharh al-Nawawi dan al-Mubarakfuri terhadap Ahadith Mutasyabihat dalam Sahih Muslim: Kajian sikap agamawan di Kuala Terengganu, Terengganu* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ibn 'Atiyyah, A. H. (2001). *Al-Muharrir al-wajiz fi tafsir al-Kitab al-Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibnu Manzur, J. (1994). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.

- Jabir, I. (2002). *Maqalah al-tashbih wa mawqif Ahli al-Sunnah minha*. Jil. 2. Riyadh: Maktabah Adwa' al-Salaf.
- Mansor, I. (2016). Explicitation in the translation into Malay of Arabic technical culture. Dlm. *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Kebangsaan*. 15-16 Oktober 2016. Universiti Sains Malaysia.
- Mat Idris, M. F. H & Suliaman, I. (2015). Isu Mutashabihat (Anthropomorphisme): Dilema antara keharmonian manhaj Salaf dan populariti aliran Khalaf. Dlm. *Seminar Wahyu Asas Tamadun IV*. Negeri Sembilan: USIM.
- Muhammad, M. F. et. al. (2015). Taaththur al-tarjamah bi ittijah tafsir mu'ayyan. Dlm. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV (Peringkat Antarabangsa)*. 6-7 Oktober 2015. Nilai, USIM.
- Murtisari, E. T. (2016). Explicitation in translation studies: The journey of an elusive concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64–81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
- Syed Abdullah, S. N. (2015). *Analisis makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku "Rihlah ibn Battutah" ke bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. (tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Vinay, J. P, & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English*. Juan C. Sager & M.J. Hamel (Trans.). Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Wahab, M. R. B., Nasir, M. S. B., & Omar, S. H. B. S. (2014). Implikasi penafian Majaz Al-Quran terhadap nas-nas sifat Mutashabihat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 136-152.
- Yunus, M. (2008). *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Selangor: Klang Book Centre.

Author's Biography

Nasimah Abdullah, received her PhD in Arabic Linguistic Studies in 2015 and her Master of Human Sciences (Arabic as Second Language) in 2000 from International Islamic University Malaysia (IIUM). She graduated with a Bachelor of Human Sciences (Arabic Language and Literature) from the same university in 1997. Her area of interest in research study include Arabic linguistic, Teaching Arabic as second language, Arabic-Malay translation and semantic. Currently, she is a senior lecturer at Department of Language Studies and Arabic Linguistic, Faculty of Islamic Study and Civilisation, International Islamic University College Selangor (KUIS). Previously, she was Deputy Dean (Academic and Research Affair) of Faculty of Islamic Study and Civilisation, KUIS from 2013-2018. She used to be acting Deputy Dean of Faculty of Modern Language and Communication (FBMK), KUIS in 2012 and she also used to be Head of Department of Arabic Language and Literature, Academy of Islamic Studies (AI), KUIS in 2005-2007. She can be contacted at nasimah@kuis.edu.my.